

10/08/1999

PM nafi cuba takutkan rakyat

MELAKA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini menafikan tanggapan pembangkang bahawa beliau cuba menakutkan rakyat dengan berkata kerajaan yang lemah akan hanya membawa huru-hara dan rusuhan kaum.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi bahawa Barisan Nasional (BN) memerlukan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang sambil berkata beliau cuma menyebut 'benda yang nyata'.

"Jika saya tidak beritahu kepada rakyat, maka saya tidak menjalankan tanggungjawab saya," katanya pada jamuan bersama rakyat di dewan Sekolah Menengah Pay Fong, di sini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno berkata, kerajaan BN tidak ingin menyalahgunakan kuasa dan tidak juga berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan seperti didakwa parti pembangkang.

"Untuk ini, kita perlu kerajaan yang kukuh yang ada majoriti besar kerana banyak keputusan dan tindakan perlu diambil yang mungkin kurang popular," katanya.

Beliau juga mengingatkan rakyat pentingnya memilih kerajaan yang berwibawa serta mempunyai kekuatan yang kukuh bagi menentukan negara terus aman dan tidak berlaku huru-hara seperti pada 13 Mei 1969.

Katanya, pada pilihan raya umum 1969, rusuhan berlaku apabila Kerajaan Pusat tidak kukuh serta kerajaan negeri tidak dapat ditubuhkan.

"Kita (BN) tidak mendapat majoriti dua pertiga (pada 1969) dan rusuhan berlaku. Ini bukti yang jelas bahawa kalau kita pilih kerajaan yang lemah, maka keamanan negara tidak terjamin," katanya pada majlis yang dihadiri lebih 4,000 orang itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang kuat juga tidak terlalu bergantung kepada populariti disukai ramai, sebaliknya mengutamakan tanggungjawab dan pemikiran yang waras terhadap masa depan negara.

"Kerajaan yang takut dengan kelemahannya, tidak akan mentadbir negara secara yang baik," katanya.

Beliau berkata, kerajaan yang takut akan kehilangan sokongan akan menggunakan cara-cara seperti sentimen perkauman dan agama untuk meraih sokongan.

Katanya, semua kerajaan perlu membuat keputusan atau perkara yang tidak akan disukai ramai seperti mengenakan cukai dan sebagainya.

Beliau berkata, kerajaan yang kuat dan kukuh berani mengambil sesuatu tindakan walaupun ada sesetengah orang yang tidak menyukainya (tindakan itu).

"Rakyat negara ini perlu sedar akan hakikat ini," katanya.

Dr Mahathir juga menyeru masyarakat Melayu supaya jangan cuba menghapuskan budaya mereka melalui perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Terdahulu ketika menemui pemimpin BN negeri, Dr Mahathir berkata, BN perlu menang besar supaya tidak ada mana-mana parti komponen atau wakil rakyat mengancam untuk keluar daripada pakatan itu.

Beliau berkata, matlamat mencapai kemenangan majoriti lebih dua pertiga bertujuan memastikan kerajaan kukuh dan tidak boleh diancam mana-mana parti atau wakil rakyat.

Perdana Menteri berkata, BN yang dianggotai 14 parti komponen mesti mencapai kemenangan besar dengan mengekalkan kerjasama antara kaum dan parti.

(END)